

Headline	KLHC kecundang, THT rampas kedudukan pendahulu liga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	34
ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,464		



## KLHC kecundang, THT rampas kedudukan pendahulu liga

**KUALA LUMPUR 16 Sept.** - Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) mensia-siakan peluang untuk mengungguli tempat teratas Liga Premier, TNB Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) selepas tewas mengejut 1-2 kepada Tenaga Nasional Bernad (TNB) di Stadium Hoki Pantai hari ini.

Keputusan itu nyata merugikan KLHC selepas seteru utama yang juga pendahulu liga sebelum ini, Sapura tewas 1-4 kepada Terengganu Hockey Team (THT) yang kini merampas kedudukan teratas dengan mengumpul 19 mata.

Selepas berakhir tanpa jaringan apabila separuh masa pertama tamat, kedua-dua pasukan menggandakan asakan dengan 10 minit terakhir perlawanan semakin rancak.

TNB memperoleh gol pertama pada minit ke-52 menerusi jaringan padang Muhammad



**PEMAIN TNB, Muhammad Shahril Saabah (kanan) cuba menggelecek pemain KLHC, Ahmad Kazamirul dalam perlawanan di Stadium Hoki Kuala Lumpur semalam. TNB menang 2-1.**

Hafizhuddin Zaidi sebelum Nik Mohammad Aiman Nik Rozemi menambah gol dua minit kemu-

dian.

Mohd. Syamim Yusof merapatkan jurang hasil pukulan sudut

penalti minit ke-58, tetapi masih belum cukup untuk menafikan kemenangan TNB.

Jurulatih TNB, Muhamad Amin Rahim ternyata amat berpuas hati dengan prestasi anak buahnya yang mencatat kemenangan pertama musim ini.

“Setiap pemain mempamerkan aksi terbaik hari ini kerana mereka sedar belum dapat mencatatkan kemenangan dalam lapan perlawanan sebelum ini.

“Tiada sebarang maksud untuk menafikan sasaran KLHC dalam pemburuan juara liga, tetapi seperti saya katakan tadi, barisan pemain saya sememangnya lebih baik.

“Walaupun peluang untuk beraksi dalam separuh akhir liga agak tipis, saya tetap berharap barisan pemain saya akan terus memberikan yang terbaik untuk perlawanan terakhir bertemu THT Ahad ini,” katanya.